

Hujan lebih 12 jam, Lembah Klang banjir

SHAH ALAM – Kira-kira 1,500 mangsa banjir dipindahkan di pusat penempatan sementara apabila rumah mereka di Hulu Langat dan Ampang dinaiki air akibat hujan lebih 12 jam.

Kawasan terlibat Lembah Jaya, Ampang, Hulu Langat dan beberapa kawasan sekitar Kuala Lumpur antaranya

di Kampung Baru dan Kampung Attap.

Hujan lebat juga menyebabkan remaja 13 tahun, Raja Muhammad Irfan Raja Hazlan terbunuh selepas terperangkap dalam runtutan tanah apabila tebing belakang rumahnya runtuh di kuarters Jalan Belfield, Kampung Attap.

Menteri Pembangu-

nan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, tujuh pusat pemindahan dibuka dan sukarelawan serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan turut membantu mangsa banjir di Ampang dan Hulu Langat.

Menurutnya, pihaknya memastikan semua mangsa banjir mendapat bantuan keperluan asas selama mereka berada di pusat pemindahan.

Shahrizat berkata, SK Sungai Serai pusat pemindahan paling besar dengan jumlah mangsa sekitar 700 orang.

"Ini banjir kilat dan kita harap surut cepat, namun jika masih hujan, kita dan semua agensi bersiap sedia buka pusat pemindahan," katanya.



Mohd Said Mohd Yusof bersama menantu dan cucunya di pusat perpindahan di Surau Ihsaniah.

'Saya hanya mampu berdoa'

AMPANG - "Lari, lari, air dah naik!" Itulah jeritan orang ramai dan bunyi siren amaran di kawasan perumahan di Lembah Jaya Utara meminta penduduk segera berpindah.

Bagaimanapun, seorang warga emas Mohd Said Yusof, 90, yang uzur tidak dapat bergerak menyelamatkan diri.

"Air mulai naik sehingga paras dada dengan deras, saya panik. Nak bergerak pun saya tidak mampu.

"Saya hanya peluk erat cucu sambil berdoa," katanya.

Dia kini yang dipindahkan di penempatan sementara di Surau Ihsaniah, Lembah Jaya, bersyukur diselamatkan oleh pasukan Bomba dan Penyelamat, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisiner Amiruddin Jamaluddin berkata, 28 mangsa dipindahkan ke surau di Lembah Jaya Utara oleh Pasukan Penyelamat dari beberapa Balai Bomba Dan Penyelamat.

>>> Lagi berita & gambar di halaman 8 dan 18



Shahrizat melihat keadaan mangsa banjir.

Hujan lebat luar biasa

Kejadian banjir kilat kelmarin jejas rutin hampir sejuta penduduk

SHAH ALAM - Hujan lebat berpanjangan selama 18 jam kelmarin, menenggelamkan banyak kawasan di negeri ini dan sekitar ibu kota.

Turut dilaporkan, berlaku tanah runtuh, kemusnahan kediaman, kejadian pokok tumbang dan juga kehilangan nyawa seorang remaja setelah terperangkap dalam kejadian tanah runtuh.

Kejadian sama menyebabkan rutin hampir sejuta warga kota dan beberapa lokasi di negeri ini terjejas maut setelah menjadi mangsa tanah runtuh.

SUBANG JAYA

Sejumlah 300 kenderaan milik penghuni kondominium USJ 1 Avenue di parkir bawah konidominium itu rosak ditengalami banjir.

Dalam kejadian itu, kebanyakan penghuni sedang nyenyak tidur.

Ketua Balai Bomba Subang Jaya, Timbalan Penguasa Bomba, Mohd Khairi Daud berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian kira-kira jam 2.30 pagi sebelum satu jentera dengan enam anggota bomba dikejarkan ke tempat kejadian.

"Tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian banjir setinggi lebih semeter itu," katanya.

KUALA LUMPUR

Penduduk Kampung Periuk, Kampung Baru, di sini terpaksa mengharungi detik-detik cemas kerana terpaksa mengharungi banjir yang mencecah paras dada ketika menyelamatkan diri dan ahli keluarga.

Seorang penduduk, Putih Md Zain, 52, berkata, dia tidak menyangka paras air naik mendadak sehingga mengakibatkan banjir menyebabkan dia tidak membuat sebarang persediaan menghadapi situasi tersebut.

Warga emas, kanak-kanak nyaris lemas dihanyut banjir

KUALA LUMPUR - Tindakan pantas dua anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyelamatkan enam sekeluarga termasuk warga emas dan kanak-kanak daripada menjadi mangsa dalam kejadian banjir yang berlaku di Kampung Periuk, Kampung Baru, di sini kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan dan sosio-ekonomi, Datuk Amin Nordin

Abdul Aziz berkata, kejadian tersebut berlaku ketika operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa dilakukan kelmarin.

Katanya, kesemua mereka yang terdiri daripada seorang warga emas, dua dewasa dan tiga kanak-kanak itu terperangkap di dalam rumah mereka yang sudah dinaiki air.

"Air yang sudah mencecah paras dada membuatkan kesemua mereka terperangkap

di dalam rumah mereka dan hampir lemas sebelum dua anggota penguat kuasa yang bertugas dalam operasi menyelamatkan bertindak membawa mereka keluar dengan mendukung mangsa warga emas dan kanak-kanak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, sebanyak 15 kawasan banjir dilaporkan kepada bilik gerakan, tiga laporan tanah runtuh dan juga pokok tumbang.

"Seramai 110 pegawai dan anggota digerakkan bagi memberi bantuan segera terutama ke kawasan-kawasan terjejas merangkumi tugas kawalan lalu-lintas, bantuan pemindahan, menyelamatkan mangsa banjir; tinjauan dan pemantauan lokasi banjir; pemotongan pokok tumbang, termasuk menggerakkan bilik gerakan bantuan bencana," katanya.

Volume hujan tinggi

KUALA LUMPUR - Jumlah bilangan (volume) hujan yang tinggi di sekitar ibu negara yang turun antara jam 6.45 petang hingga 11.30 malam semalam, menjadi punca beberapa kawasan di ibu negara dinaiki air seterusnya mengakibatkan banjir kilat.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, laporan Jabatan Meteorologi memaklumkan, hujan secara berterusan dalam tempoh 4 jam 45 minit itu telah mengakibatkan paras air di beberapa kawasan di sepanjang Sungai Kelang mencatatkan paras amaran.

Menurutnya, hujan lebat itu juga mengakibatkan 15 kawasan dilanda banjir kilat yang dinaiki air sehingga 1.2 meter, kecuali di Kampung Periuk, Kampong Baru mencatatkan bacaan paras air sehingga 2.1 meter.

"Daripada kawasan yang dinaiki banjir kilat tersebut, hanya satu kawasan melibatkan pemindahan sementara iaitu di Kampung Periuk, Kampong Bharu yang dinaiki air sedalam 2.1 meter. Seramai 784 penduduk melibatkan 174 keluarga dipindahkan serta-merta ke Dewan Orang Ramai, Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru. Bagaimanapun, setelah banjir surut penduduk dibenarkan kembali ke rumah masing-masing selepas jam 12.30 tengah malam tadi (kelmarin)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kejadian tanah mendap juga berlaku di Jalan Nipah iaitu berhadapan ibu pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan di Jalan Robson, Taman Seputeh. Laluan tersebut kini ditutup bagi tujuan keselamatan.



Sebahagian daripada 300 kenderaan penghuni kondominium USJ 1 Avenue ditenggelami banjir.



Keadaan teksi yang terbalik akibat dihanyutkan banjir di Kampung Bukit Sungai Puteh, malam kelmarin.



Pasukan bomba membantu penghuni kondominium USJ 1 Avenue menyelamatkan kenderaan masing-masing.



Pelajar, Muhammad Shalihin Bakhtiar, 16, membersihkan buku miliknya yang dihanyut banjir.

Menurutnya, walaupun kejadian kelmarin tidak seteruk seperti mana yang terjadi pada 2006, ia tetap memberi kesan kepada mereka sekeluarga.

AMPANG

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Abdul Hamid Hussain berkata, kejadian banjir di Lembah Jaya Utara berpunca daripada hujan lebat yang luar biasa.

Katanya, beliau difahamkan, Loji

Rawatan Air Bukit Belacan telah dibuka berikutan empangan tersebut sudah tidak dapat menampung kapasiti air dan akhirnya berlaku kejadian yang tidak diingini.

"Dalam kejadian ini, Majlis telah mendapati dua buah rumah telah dihanyutkan air dan kita akan memberi penempatan sementara kepada keluarga terbabit di Flat Lembah Jaya," katanya kepada *Sinar Harian* di lokasi kejadian semalam.

Dalam kes berasingan di Bukit Antarabangsa dan Ukay Perdana,

Hamid berkata, MPAJ telah mengarahkan pemaju agar bertanggungjawab di atas kejadian tanah runtuh dan takungan air pecah di Apartmen Villaria di Bukit Antarabangsa dan Apartmen Springville di Ukay Perdana.

Hamid berkata, pihak pemaju uga telah diarahkan untuk membuat pembersihan dan membaiki sistem perparitan yang telah mengakibatkan tanah runtuh berhampiran Apartmen Springville, Ukay Perdana.